
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HBT 504 – PENTERJEMAHAN DAN KERJAYA

Masa : 2 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi LIMA soalan.
2. Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan No. 1 WAJIB dijawab.
3. Kemudian jawab DUA soalan lain.

Bahagian A : Soalan WAJIB.

1. Andaikan kesilapan terjemahan sebagai 'kegagalan melaksanakan tugas terjemahan sebagaimana yang telah ditetapkan' (Nord 1997 :73). Sebagai penilai terjemahan, huraikan kegagalan ini berdasarkan aspek :
 - [a] pragmatik [10 markah]
 - [b] budaya [10 markah]
 - [c] linguistik [10 markah]
 - [d] teks khusus [10 markah]

Bahagian B : Jawab DUA soalan sahaja.

2. Jawab [a] dan [b].
 - [a] Jelaskan maksud penterjemahan tersirat (*covert translation*) dan penterjemahan tersurat (*overt translation*) yang dikemukakan oleh House (1987: 188-9). [20 markah]
 - [b] Selain daripada model penilaian yang dikemukakan oleh House, huraikan model-model penilaian lain yang dianggap lengkap untuk menilai hasil terjemahan. [10 markah]

3. Jawab [a] dan [b].

[a] Konsep *one-size-fits-all*, dianggap sebagai satu konsep yang bersifat ilusi dalam latihan penterjemahan. Berikan pandangan anda tentang pernyataan ini.

[10 markah]

[b] Bezakan kecekapan penterjemah (*translator competence*) dengan kecekapan terjemahan (*translation competence*), dan hubungkaitkan dua aspek ini dengan konsep dalam [a] di atas.

[20 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

[a] Jawab [i] dan [ii].

[i] Jelaskan maksud *work made for hire*.

[10 markah]

[ii] Menurut saranan yang diberikan oleh *International Federation of Translators*, penterjemah seharusnya menjadi pemegang hakcipta bagi karya terjemahannya. Bincangkan kepentingan saranan ini dalam konteks kerja terjemahan yang termasuk dalam kategori *work made for hire*.

[10 markah]

[b] Teliti pernyataan yang berikut.

The translator shall enjoy, with respect to his/her translation, all the moral rights of succession conferred by his/her authorship.

(sumber : <http://www.fit-ift.org/en/charter.php>)

Huraikan maksud pernyataan ini dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

[10 markah]

5. Telitikan petikan di bawah, kemudian jawab [a] dan [b].

TEKS ASAL

The changes that have taken place with the advent of computers are nothing short of miraculous, and yet we have not only taken them in stride, but are constantly seeing new developments, which most of us embrace almost immediately. Perhaps it is in the very nature of translators to adapt, since we are used to going back and forth between cultures, so why not the ever-shifting conditions with which we must deal at every turn?

(sumber : <http://www accurapid.com/journal/12prof.htm>)

TEKS TERJEMAHAN

Perubahan yang pencapaian dengan kemunculan komputer merupakan belum ada suatu short of sungguh menakjubkan, dan pun kami telah bukan hanya pencapaian mereka dalam cabaran, tetapi adalah sentiasa melihat perkembangan yang baru, yang kebanyakan daripada kita menerima hampir sejurus. Barang kali ia berada di dalam alam semula jadi yang sangat penterjemah untuk mengubahsuai, oleh kerana kami adakah digunakan kepada pergi ke kiri dan kanan antara kultur, begitu mengapa bukan keadaan yang ever-shifting dengan yang kami mesti berurusan di setiap belok?

(Penterjemahan menggunakan CATT-0 versi 1.2.1 Beta, UTMK)

- [a] Huraikan secara terperinci DUA masalah yang anda kenal pasti dalam hasil terjemahan yang menggunakan kaedah penterjemahan mesin (MT) di atas. Jelaskan sebab-sebab yang memungkinkan masalah ini berlaku.

[20 markah]

- [b] Terjemahkan kembali teks terjemahan tersebut ke dalam satu teks terjemahan yang anda rasa lebih menepati makna teks asal.

[10 markah]